

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan


1. (a) Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan di bawah.

Kedai Jahit Sheila telah membeli sebuah mesin jahit dengan harga RM1 800 pada 1 Mac 2025. Nilai pasaran mesin jahit tersebut telah jatuh kepada RM950 pada 28 Februari 2026.

- (i) Berapakah nilai mesin jahit yang akan direkod pada 28 Februari 2026?
(ii) Konsep perakaunan yang manakah dipatuhi dalam situasi di atas?

[2 markah]

- (b) Berikut adalah satu carta alir urus niaga bagi Pro Teen Enterprise.



Nyatakan dokumen bagi **P** dan **Q**.

[2 markah]

- (c) Rekodkan urus niaga berikut bagi Optometris Rajwan ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

Pada 1 Januari 2025, pemilik mengambil cermin mata berjenama Elvy bernilai RM830 untuk dihadiahkan kepada isteri.

[2 markah]

- (d) Puan Mas ialah seorang peniaga yang mengamalkan sistem perekodan tunggal. Beliau telah menggunakan penyata berikut untuk mencari modal akhir perniagaan.

Penyata Mengira Modal pada 30 April 2026

	RM
X	20 000
Tolak : Y	5 000
Modal Akhir	<u>15 000</u>

Apakah butir **X** dan **Y**

[2 markah]

- (e) Nyatakan dua kepentingan dalam menyediakan Belanjawan Tunai

[2 markah]



2. Suri dan Seri adalah pekongsi dalam Perkongsian SARI yang menjalankan perniagaan Frozen Mart di Kepala Batas.

Pada 30 Jun 2025, maklumat berikut diperoleh daripada buku perkongsian.

	RM
Modal 1 Julai 2024	
Suri	60 000
Seri	50 000
Akaun Semasa 1 Julai 2024:	
Suri	(2 500)
Seri	3 200
Ambilan	
Suri (1 Januari 2025)	1 000
Seri (30 September 2024)	2 000
Gaji Suri	15 000
Gaji Seri	20 000
Lengkapan	19 600
Kenderaan (Kos)	50 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	5 000
Bank	38 700
Inventori	22 350
Akaun Belum Terima	6 700
Akaun Belum Bayar	8 940
Komisen diterima	390
Peruntukan hutang ragu	320
Promosi	1 280
Insurans	4 000
Sewa	16 500
Angkutan keluar	290
Kadar bayaran	3 900
Untung kasar	91 401

Perjanjian Perkongsian telah menetapkan perkara-perkara berikut:

- (i) Faedah atas ambilan pekongsi 5% setahun
- (ii) Faedah atas modal pekongsi 6% setahun
- (iii) Gaji tahunan Suri RM18 000 dan Seri RM24 000
- (iv) Bonus tahunan setiap pekongsi RM2 000
- (v) Untung atau rugi pekongsi dibahagi antara Suri dan Seri mengikut nisbah 2:1

Maklumat tambahan:

- (i) Insurans prabayar RM300.
- (ii) Sewa belum bayar RM1 500.
- (iii) Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya berjumlah RM400 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 4% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Kadar susut nilai:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Lengkapan	5%	atas kos
kenderaan	10%	baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [7 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 [6 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi [10 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025 (petikan Ekuiti Pemilik) [2 markah]



3. Imbangan Duga berikut diambil daripada Teguh Bina Enterprise yang telah menjalankan perniagaan menjual simen di Padang Rengas, Perak.

Teguh Bina Enterprise Imbangan Duga pada 30 September 2025		
	Debit RM	Kredit RM
Premis	124 000	
Kenderaan	50 000	
Perabot	12 600	
Belian dan Jualan	73 969	155 684
Pulangan masuk	1 880	
Gaji	21 500	
Inventori pada 1 Oktober 2024	35 110	
Insurans	5 200	
Kadar bayaran	4 430	
Hutang lapuk	2 920	
Susut nilai terkumpul perabot		3 000
Akaun Belum Bayar		13 200
Akaun Belum Terima	25 600	
Ambilan	6 500	
Modal		159 145
Belanja penyelenggaraan premis	17 565	
Peruntukan hutang ragu		425
Pinjaman 5%		78 000
Angkutan masuk	1 400	
Tunai	800	
Bank	25 980	
	<u>409 454</u>	<u>409 454</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 September 2025 dinilai seperti berikut:

	Simen A	Simen B	Simen C
Harga kos (RM)	6 580	5 900	10 400
Harga pasaran (RM)	9 880	7 320	8 210

- (ii) Kenderaan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Kenderaan bernilai RM50 000 telah dibawa masuk oleh pemilik pada 1 Julai 2025 dan akan digunakan untuk tempoh 10 tahun. Nilai skrap kenderaan dijangka RM4 000.

- (iii) Perabot disusutnilaikan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

- (iv) Urus niaga dan dokumen berikut masih belum direkod:

- (a) Nota kredit yang diterima daripada seorang pembekal bernilai RM800.

- (b)
- | | | |
|-----------------------|--|--------------------------|
| Asal | RESIT RASMI | RR168 |
| | Superb Services | |
| | No. 8, Kampung Ulu Chemor | |
| | 31200 Chemor, Perak. | |
| | Tel:052626262 | |
| | | Tarikh: 30 Jun 2025 |
| Diterima daripada | : <u>Teguh Bina Enterprise</u> | |
| Ringgit Malaysia | : <u>Lima ratus lima puluh sahaja</u> | |
| Tujuan | : <u>Menjelaskan upah mengangkat simen</u> | |
| RM550 | | |
| Tunai/Cek: MBB 123456 | | |
| | | <i>Nabil</i>
Pengurus |

- (c) Menerima tunai berjumlah RM400 atas hutang lapuk yang telah dihapuskan.

- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas baki Akaun Belum Terima.

- (vi) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 Januari 2025.

- (vii) Pinjaman 5% telah dibuat pada 1 April 2025. Nilai asal pinjaman ialah RM84 000 dengan tempoh matang 7 tahun.



Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2025.
[13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2025.
[12 markah]

4. (a) Baki- baki Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar Perniagaan Nurul pada 1 Februari 2026 adalah seperti berikut:

Akaun Belum Terima:	Kumar	RM 230
	Ahmad	780
	Chan	1 050
Akaun Belum Bayar:	Tang	390
	Ammar	860
	Shamila	1 240

Urus niaga sepanjang bulan Februari telah dicatatkan dalam Buku catatn Pertama seperti ditunjukkan di bawah ini:

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2026			RM
Feb 9	Ahmad		560
17	Chan		830
25	Kumar		610
28	Akaun Jualan (kt)		2 000

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2026			RM
Feb 5	Tang		770
12	Ammar		660
20	Shamila		530
28	Akaun Beliam (dt)		1 960

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2026			RM
Feb10	Ahmad		80
20	Chan		70
28	Akaun Pulangan Jualan (dt)		150

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2026			RM
Feb 15	Ammar		60
22	Shamila		20
28	Akaun Pulangan Belian (kt)		80

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis.	Bank	Tarikh	Butir	Dis.	Bank
2026		RM	RM	2026		RM	RM
Feb 6	Ahmad	30	750	Feb. 8	Tang	60	1 100
20	Chan	60	1 500	10	Shamila	70	1 300
26	Kumar	10	600				

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2026			
Feb 28	Hutang Lapuk Kamal (Hutang lapuk dihapuskan)	230	230
28	Angkutan Shamila (Angkutan dikenakan)	30	30

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima [7 markah]
 - (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [7 markah]
- (b) Maklumat berikut diperolehi daripada Megah Sdn Bhd dan Jaya Sdn Bhd yang telah menjalankan perniagaan menjual minuman bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2025.

Megah Sdn Bhd

Nisbah Semasa	3:1
Kadar Pusing Ganti Inventori	20 kali

Jaya Sdn Bhd

	RM
Lengkapan	100 000
Jualan (70% merupakan jualan kredit)	66 530
Inventori 1 September 2024	1 050
Inventori 31 Ogos 2025	3870
Akaun Belum Terima	1 220
Sewa prabayar	1 360
Akaun Belum Bayar	2 230
Overdraf Bank	1 630
Kadar bayaran belum bayar	440
Untung Kasar	11 650

Anda dikehendaki menghitung nisbah berikut bagi Jaya Sdn Bhd.

- (i) Nisbah Semasa [2 markah]
- (ii) Kadar pusing ganti inventori dalam sebutan kali [2 markah]
- (iii) Perniagaan yang manakah lebih cekap dalam menguruskan inventori? Berikan alasan anda. [2 markah]

5. Pada 30 April 2026, Buku Tunai Perniagaan Fieya, menunjukkan baki debit sebanyak RM11 920. Baki ini berbeza dengan baki di penyata bank yang diterima pada tarikh yang sama. Perbezaan ini disebabkan oleh perkara-perkara yang berikut.

- i. Cek-cek yang belum lagi dikreditkan dalam penyata bank:

	RM
Jualan	6 320
Zikri	2 680
Sathia	6 600

- ii. Cek-cek yang belum dikemukakan untuk bayaran:

		RM
Pembekal Cha Ri	No. Cek 41454	9 800
Sewa	No. Cek 41456	2 400
Gaji	No. Cek 41459	4 800

- iii. Cek yang diterima daripada Kedai Nazmi bernilai RM2 800 telah tersalah catat dalam Buku Tunai sebagai RM8 200.

- iv. Penyata bank menunjukkan perkara-perkara yang berikut yang tidak terdapat dalam Buku Tunai.

	RM
Buku cek	60
Bayaran perkhidmatan bank	480
Faedah atas simpanan	1 920
Dividen	3 040

- v. Sekeping cek bernilai RM7 120 dipulangkan oleh pihak bank kerana tak laku.
- vi. Cek RM5 600 kepada Syarikat Laila telah didebitkan oleh bank tetapi direkodkan di sebelah debit Buku Tunai.

Anda dikehendaki:

- a) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2026 (tanpa mengemas kini Buku Tunai)

[18 *markah*]

- b) Nyatakan **dua** jenis urusan niaga yang dicatatkan di lajur debit penyata bank.

[2 *markah*]

6. (a) Kelab Futsal Juara telah ditubuhkan pada 1 Januari 2024 di Bayan Baru, Pulau Pinang. Maklumat berikut telah diperoleh daripada buku perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2025:

Akaun penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025			
	RM		RM
Yuran masuk	1 850	Utiliti	1 320
Yuran 2024	1 750	Insurans	1 800
Yuran 2025	5 600	Alatan sukan	1 640
Yuran 2026	750	Alat tulis	350
Yuran pertandingan futsal	3 150	Hadiah pertandingan futsal	2 150
Derma	8 300	Penyelenggaraan gelanggang	720
Faedah simpanan tetap	530	Cenderahati pengadil futsal	250
		Belanja am	440

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

Butir	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Bangunan kelab	80 000	80 000
Alatan sukan	5 600	7 000
Tunai di bank	6 000	?
Yuran belum terima	1 850	600
Yuran belum terperoleh	1 060	?
Inventori Alat tulis	-	90
Simpanan tetap (faedah 6% setahun)	20 000	20 000

- (ii) Derma yang diterima adalah untuk membeli alatan sukan.
- (iii) Yuran tahun 2024 yang tidak dapat diterima dianggap sebagai yuran lapuk.
- (iv) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun mulai 1 Mei 2025.
- (v) Cenderahati pengadil futsal belum bayar RM100.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Yuran Ahli [5 markah]
 - (ii) Penyata Untung atau Rugi Pertandingan Futsal bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [2 markah]
 - (iii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [7 markah]
- (b) Syarikat Sejati Sdn. Bhd. ialah perniagaan yang membekalkan pasu bunga di Teluk Bahang, Pulau Pinang. Berikut ialah petikan Imbangan Duga syarikat tersebut.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2025

	Debit	Kredit
	RM	RM
Lengkapan	13 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		3 900

Maklumat tambahan:

- (i) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Pada 31 Disember 2025, lengkapan dijual secara tunai dengan harga RM7 200.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Lengkapan [2 markah]
- (ii) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lengkapan [2 markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Lengkapan [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

